

27.2.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**KERJA-KERJA BEKALAN AIR: GANGGUAN BEKALAN AIR 12 JAM
SEMALAMAN DI KAWASAN KEJIRANAN LEMBAH PERMAI & HILLSIDE**

- **10.00 malam, 5.3.2026 (Khamis) – 10.00 pagi, 6.3.2026 (Jumaat)**
- **Kira-kira 9,000 pengguna air terjejas, terutamanya di kawasan Lembah Permai dan kejiranan Hillside di Tanjung Bungah.**

PULAU PINANG, Jumaat, 27.2.2026: PBAPP akan melaksanakan 4 projek kerja-kerja air di kawasan kejiranan Lembah Permai bagi memperkukuhkan dan menaik taraf perkhidmatan bekalan air untuk kira-kira 9,260 pengguna air di kawasan perkhidmatan Loji Rawatan Air (LRA) Guillemard di Tanjung Bungah.

Pada 18.1.2026, kerosakan kotak gear telah berlaku pada injap Vale of Tempe dan menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual (UWSI) yang menjejaskan kira-kira 2,200 pengguna, dari Maybank Tanjung Bungah hingga ke Island Plaza serta kawasan berhampiran.

Insiden ini merupakan satu kejadian tidak dijangka dan PBAPP telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan sementara bagi memulihkan bekalan air dalam tempoh 19 jam, pada 19.1.2026.

Bagi memastikan penyelesaian yang lebih kekal dan kukuh, PBAPP akan melaksanakan projek-projek kerja air berikut di 4 lokasi pada 5.3.2026 dan 6.3.2026:

• Sepanjang Jalan Lembah Permai di Tanjung Bungah:		
1.	Penggantian injap 600mm yang rosak	Berhampiran Vale of Tempe Jalan menuruni cerun kolam air Guillemard
2.	Pemasangan satu injap tambahan berdiameter 600mm	
3.	Penggantian injap kedua 600mm yang rosak.	
• Di saluran paip Vale of Tempe:		
4.	Pemasangan injap baharu 600mm bagi menambah baik pengurusan NRW	

PBAPP melaburkan RM117,694 bagi melaksanakan projek-projek ini. Manfaat utama adalah seperti berikut:

- Mengelak kejadian berulang insiden pada 18.1.2026;

Kerja-Kerja Bekalan Air: Gangguan Bekalan Air 12 Jam Semalaman di Kawasan Kejiranan Lembah Permai & Hillside /

- Perkhidmatan bekalan air yang lebih terjamin dan dipertingkatkan di kawasan perkhidmatan LRA Guillemard melalui sistem kawalan tekanan bekalan air terawat yang dinaik taraf;
- Pengurusan Air Tidak Berhasil (NRW) yang lebih baik di LRA Guillemard.

Penerima manfaat secara langsung ialah semua pengguna air di kawasan perkhidmatan LRA ini.

Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) Semalaman

Bagi membolehkan pelaksanaan projek-projek kerja air berkenaan, PBAPP perlu menghentikan tugas sementara Loji Rawatan Air (LRA) Guillemard.

Henti tugas LRA ini akan menyebabkan Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) semalaman selama 12 jam yang akan menjejaskan kira-kira 9,000 pengguna air yang menetap atau menjalankan perniagaan di kawasan Lembah Permai dan Hillside. Sila rujuk Lampiran A untuk senarai kawasan yang terlibat.

Semua kerja akan dilaksanakan secara serentak dan secara semalaman bagi meminimumkan kesulitan kepada pengguna yang terjejas.

Tempoh SWSI ini adalah dari jam 10.00 malam pada Khamis (5.3.2026) hingga 10.00 pagi pada Jumaat (6.3.2026). Kawasan perumahan dan premis perniagaan yang terjejas (termasuk hotel) dinasihatkan supaya menyimpan bekalan air secukupnya untuk kegunaan sepanjang tempoh tersebut.

PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan yang akan timbul. Harap maklum bahawa kerja-kerja ini adalah mendesak dan perlu dilaksanakan.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP di talian 04-255 8 255.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Lampiran A: SWSI 12 jam semalaman di Lembah Permai & Hillside (10.00 malam, 5.3.2026 hingga 10.00 pagi, 6.3.2026)

Senarai jalan terlibat (Premis Kediaman dan Perniagaan Terjejas)

1.	Changkat Lembah Permai	36.	Jalan Tanjung Bungah (dari Maybank Tanjung Bungah ke Penang Swimming Club)
2.	Jalan Abbas		
3.	Jalan Ahmad bin Kasa		
4.	Jalan Azyze		
5.	Jalan Baba Ahmad	37.	Jalan Tanjung Tokong (dari Penang Swimming Club ke Flat UDA Tg. Tokong)
6.	Jalan Bahaudin		
7.	Jalan Bunga Cempa Putih		
8.	Jalan Bunga Orkid		
9.	Jalan Bunga Puduk	38.	Jalan Tanjung Tokong Lama
10.	Jalan Cheah Phee Cheok	39.	Jalan Thangaveloo
11.	Jalan Cheah Siew Khim	40.	Jalan Warburton
12.	Jalan Chee Swee Ee	41.	Jalan Wee Hein Tze
13.	Jalan CM Hashim	42.	Lebuah Lembah Permai 1 - 4
14.	Jalan Concord 9 – 15	43.	Lebuah Sungai Kerian
15.	Jalan Fettes	44.	Lintang Lebuah Permai
16.	Jalan Gajah	45.	Lintang Lebuah Permai 1, 2, 3, 4, 6, 12 & 14
17.	Jalan Geh Chong Keat	46.	Lorong Lembah Permai
18.	Jalan Haji Rafie	47.	Lorong Abbas 1 & 2
19.	Jalan Haji Sudin	48.	Lorong Geh Chong Keat
20.	Jalan Heah Joo Seang	49.	Lorong Kejora
21.	Jalan Lembah Permai	50.	Lorong Lembah Permai 1 – 9
22.	Jalan Lim Huck Aik	51.	Lorong Sungai Kelian
23.	Jalan Loh Poh Heng	52.	Lorong Sungai Kelian 1 – 3
24.	Jalan Marie Pitchay	53.	Medan Lembah Permai
25.	Jalan Nyor Cabang	54.	Medan Tanjung Bungah
26.	Jalan Oldham	55.	Pesara Lembah Permai 1 & 2
27.	Jalan Osman bin Haji Abdul Rahman	56.	Pesiaran Lembah Permai
28.	Jalan Pakawali	57.	Solok Kejora 1 & 2
29.	Jalan Pelangi	58.	Solok Lembah Permai
30.	Jalan Petata	59.	Solok Lembah Permai 1 – 6
28.	Jalan Pakawali	60.	Solok Tan Jit Seng
29.	Jalan Pelangi	61.	Solok Wee Hein Tze
30.	Jalan Petata	62.	Tingkat Laut
31.	Jalan Sam Ah Chow	63.	Tingkat Lembah Permai 1 - 3
32.	Jalan Sentosa		
33.	Jalan Sungai Kelian		
34.	Jalan Syed Abdul Alsagoff		
35.	Jalan Tan Jit Seng		